

18/06/2001

Iraq mahu beli terus minyak sawit Malaysia (HL)

Zulkofli Jamaludin; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
BAGHDAD, Ahad - Iraq mahu membeli minyak sawit terus dari Malaysia bagi meningkatkan perdagangan kedua-dua negara, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, Iraq yang memerlukan 300,000 tan minyak sawit, juga mahu kilang memproses minyak sawit dibina di negara berkenaan.

"Pada masa ini, Iraq mendapat bekalan itu melalui negara ketiga," katanya pada sidang akhbar dalam pesawat ketika dalam perjalanan pulang selepas mengetuai misi keamanan dan persahabatan ke Iraq, hari ini.

Semalam, Syed Hamid membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Saddam Hussein setelah mengadakan pertemuan dengan beberapa menteri Iraq dalam lawatan tiga hari ke negara itu.

Timbalan Perdana Menteri Iraq, Tariq Aziz, yang memangku jawatan Menteri Luar, dan Duta Iraq ke Malaysia, Adnan Malik Al-Ghazali, turut menyertai perjumpaan itu.

Syed Hamid berkata, Saddam juga mempelawa usahawan Malaysia melabur dalam sektor perubatan, petroleum dan komunikasi, terutama bagi pembangunan sistem telefon dan teknologi maklumat (IT).

Beliau berkata, Saddam menganggap Malaysia negara contoh dan boleh digunakan sebagai model untuk memajukan semula Iraq, yang sedang menghadapi sekatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, Iraq bukan saja memerlukan bekalan makanan, malah mahu pemodenan dilaksanakan oleh pelabur Malaysia, yang dianggap rakan perdagangan dua hala yang baik.

"Kita merasakan sudah terjalin satu keyakinan Iraq terhadap kepemimpinan (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mampu membangunkan negara, walaupun rantau ini menghadapi masalah ekonomi," katanya.

Syed Hamid berkata, dalam kunjungan hormat terhadap Saddam, beliau menyampaikan surat Perdana Menteri mengenai misi ke Iraq, yang menyatakan sokongan kerajaan terhadap rakyat negara itu dalam menghadapi sekatan PBB.

Pada pertemuan selama 90 minit itu, Saddam menyampaikan rasa terharu terhadap sokongan kerajaan dan rakyat Malaysia yang bersungguh-sungguh membantu rakyat Iraq, termasuk mendesak PBB menarik balik sekatan ke atas negara itu.

"Beliau (Saddam) meminta saya menyampaikan salam kepada setiap delegasi yang turut serta. Misi ini menunjukkan Malaysia bersungguh-sungguh menyokong rakyat Iraq," katanya.

Syed Hamid berkata, Saddam turut menyampaikan pendirian Iraq yang bertekad untuk memastikan sekatan PBB tidak akan melemahkan kehendak dan cita-cita rakyatnya untuk membangunkan semula negara.

"Mereka (rakyat Iraq) mengambil sikap apa yang berlaku ialah kezaliman pemimpin Barat yang berusaha melemahkan rakyat Iraq," katanya.

Mengenai misi itu, Syed Hamid berkata, Malaysia bukan saja menyuarakan simpati dan mendesak PBB menarik balik sekatan, malah membuktikan kesungguhannya menyalurkan bantuan bagi meringankan penderitaan rakyat Iraq.

"Walaupun Malaysia sebuah negara kecil, kita konsisten menyuarakan perlunya sekatan PBB yang sudah menjangkau satu dekad, ditarik balik bagi mengakhiri kesengsaraan rakyat Iraq.

"Saya berharap badan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar yang menyertai misi yang dianggap berjaya ini mendapat motivasi untuk mengambil langkah ke hadapan," katanya sambil berterima kasih dengan kerjasama sektor

swasta, termasuk Penerbangan Malaysia (MAS) serta NGO yang menjayakan misi itu.

Misi tiga hari itu adalah susulan misi pertama anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) yang diketuai isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Mac tahun lalu.

Delegasi Malaysia disertai kakitangan Wisma Putra, sektor awam, swasta, NGO, pensyarah, guru dan pelajar perubatan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta media.

Mengenai tindakan susulan terhadap misi itu, Syed Hamid berkata, beliau akan memanggil mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia-Iraq pada Ogos depan bagi membincangkan persetujuan yang dicapai dalam misi berkenaan.

Di KUALA LUMPUR, Syed Hamid berkata, pelaburan Malaysia di Iraq akan difokuskan dalam bidang yang tidak melanggar sebarang ketetapan PBB.

Beliau berkata, kerajaan sedang menimbang untuk menghantar beberapa wakil ke negara itu bagi meneruskan usaha sama yang boleh dijalankan.

Ditanya sama ada sektor swasta tempatan berminat membuat pelaburan di Iraq, beliau berkata, ia bergantung kepada birokrasi yang ditetapkan PBB bagi memulakan sebarang pelaburan di negara berkenaan.

"Semuanya bergantung kepada perjanjian persefahaman di bawah PBB, tetapi sebelum ini pun, perdagangan kita dengan Iraq sudah melebihi RM500 juta," katanya.

(END)